

LATIH TUBI
BAB 4 – PENGELUARAN
4.1 KONSEP PENGELUARAN, KOS DAN HASIL

SOALAN OBJEKTIF [10 Markah]

- 1 Firma ialah satu unit ekonomi yang
- A menawarkan faktor pengeluaran
 - B mempunyai matlamat untuk memaksimumkan kos
 - C menerima perbelanjaan penggunaan
 - D memperoleh ganjaran faktor pengeluaran
- 2 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang konsep pengeluaran jangka pendek ?
- I Tempoh penubuhan firma kurang daripada satu tahun
 - II Firma mempunyai input tetap dan input berubah
 - III Firma akan menambahkan input berubah untuk meningkatkan output
 - IV Semua input yang dimiliki oleh firma ialah input berubah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 3 Antara yang berikut, yang manakah perbezaan antara pengeluaran jangka pendek dengan pengeluaran jangka panjang ?

	<i>Pengeluaran Jangka Pendek</i>	<i>Pengeluaran Jangka Panjang</i>
A	Terdapat input tetap dan input berubah	Terdapat input berubah sahaja
B	Terdapat input berubah sahaja	Terdapat input tetap dan input berubah

C	Terdapat input tetap sahaja	Terdapat input berubah sahaja
D	Terdapat input berubah sahaja	Terdapat input tetap sahaja

- 4 Berikut ialah kos yang ditanggung oleh seorang pengusaha dalam pengeluaran jangka pendek.

- | |
|--|
| ✓ <i>Sewa Kilang</i>
✓ <i>Pembelian mesin</i> |
|--|

Tentukan jenis kos tersebut.

- A Kos sut
 B Kos tetap
 C Kos purata
 D Kos berubah
- 5 Puan Zaidah memerlukan ikan, tepung, mesin pengisar dan pekerja untuk membuat keropok. Apakah input tetap yang terlibat dalam proses tersebut ?
- A Ikan, tepung dan mesin pengisar
 B Pekerja dan mesin pengisar
 C Ikan, tepung dan pekerja
 D Mesin pengisar
- 6 Maklumat di bawah menunjukkan kos pengeluaran Firma Roda yang mengeluarkan basikal jenama Lasak.

<i>Jumlah keluaran – 50 unit</i> <i>Kos tetap – RM 1 500</i>

Berapakah kos berubah yang ditanggung oleh firma tersebut ?

- A RM 1 350
 - B RM 1 600
 - C RM 3 500
 - D RM 6 500
- 7 Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran Syarikat Harmoni Sdn Bhd.

Syarikat Harmoni Sdn Bhd menanggung kos tetap sebanyak RM 50 dan kos berubah sebanyak RM 40 untuk mengeluarkan 20 batang pen.

Berapakah kos purata ?

- A RM 2.00
 - B RM 2.50
 - C RM 3.50
 - D RM 4.50
- 8 Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah kos yang ditanggung oleh firma QPR yang mengeluarkan kamera meningkat daripada RM 8 000 ke RM 8 400 apabila output bertambah dari 40 buah kamera kepada 43 buah kamera.

Berapakah kos sut ?

- A RM 133.33
- B RM 186.04
- C RM 195.34
- D RM 200.00

- 9 Jadual berikut berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

<i>Tingkat Keluaran (Unit)</i>	<i>Kos Berubah (RM)</i>
10	200
20	450
30	660
40	970

Jika kos tetap ialah RM 150, pada tingkat keluaran berapakah kos purata paling minimum ?

- A 10 unit
B 20 unit
C 30 unit
D 40 unit
- 10 Jadual menunjukkan hubungan antara input dengan jumlah keluaran suatu barang.

<i>Input Tetap (Unit)</i>	<i>Input berubah (Unit)</i>	<i>Jumlah Keluaran (Unit)</i>
2	4	20
2	8	30
2	12	40

Berapakah keluaran sut apabila input berubah meningkat daripada 4 unit kepada 12 unit ?

- A 2.50 unit
B 3.75 unit
C 5.00 unit
D 7.50 unit